

23 FEB 2003

NAM-VAJPAYEE/I

VAJPAYEE MINTA NAM PERTINGKAT USAHA PEMBAHARUAN KEWANGAN

PETALING JAYA, 23 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri India Atal Bihari Vajpayee hari ini meminta para anggota Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) supaya mempertingkatkan usaha ke arah pembaharuan kerangka kewangan antarabangsa.

"Ikatan bersyarat institusi antarabangsa yang sering melembapkan pemulihan ekonomi, bukan mempercepatkannya, harus disemak semula," katanya di Sesi Khas Pemimpin NAM di Forum Perniagaan NAM di sini.

Kemudahan ruapan aliran modal juga harus dipantau dan aliran sumber ke negara miskin patut dipercepat menerusi tindakan afirmatif dalam kes-kes tertentu seperti di Afrika, katanya.

Forum Perniagaan NAM mengenai Kerjasama Selatan-Selatan ini diadakan untuk pertama kali sempena Sidang Kemuncak Pemimpin NAM ke-13. Di sesi khas ini, sebuah portal perniagaan bagi anggota NAM juga dilancarkan oleh Persekutuan Industri India.

Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini, khususnya berikutan krisis kewangan Asia pada 1997-1998, telah berulang kali menyuarakan keperluan bagi membetulkan semula struktur kewangan antarabangsa.

Vajpayee berkata tidak ramai yang menerima cadangan supaya aliran modal dikawal selia menerusi levi antarabangsa walaupun memang diketahui bahawa aliran modal yang tidak stabil akan menjejaskan ekonomi-ekonomi membangun.

"Saya percaya telah tiba masanya pembaharuan dilakukan, menerusi satu langkah yang berkesan untuk melindungi ekonomi lemah daripada kemudahan modal, meningkatkan keyakinan menerusi kestabilan pasaran modal dan menjana sumber pembangunan," katanya.

Beliau berkata anggaran konservatif aliran modal pada tahun-tahun kebelakangan ini menunjukkan bahawa cukai suku peratus sahajapun boleh menjana pendapatan tahunan sebanyak AS\$300 bilion (RM1,140 bilion).

"Jika ia disalurkan kepada Tabung Menghapus Kemiskinan Dunia, kita boleh mencapai kemajuan besar ke arah matlamat yang digariskan di Sidang Kemuncak Pembangunan Alaf dan Sidang Kemuncak Makanan Dunia," katanya.

Pemimpin India itu turut menolak tanggapan tentang kesukaran untuk memantau aliran kewangan dan mengendalikan rejim cukai ini.

Beliau berkata Resolusi Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) 1373 dan 1476 yang meminta para anggota PBB mengambil langkah tegas memantau saluran kewangan pengganas di seluruh dunia adalah lebih menyukarkan daripada memantau dan mengenakan cukai kepada aliran modal.

Vajpayee turut memberi penekanan kepada keperluan untuk mengukuhkan kerjasama serantau demi faedah bersama.

"Asean telah membuktikan hasil yang ketara," katanya. Ia boleh dan perlu dicontohi di rantau lain, tambahnya.

Satu syarat yang perlu dipatuhi dalam kerjasama ekonomi adalah tidak mempolitikkannya dan menjadikannya bebas daripada isu-isu dua hala.

Vajpayee berkata ada negara yang menjadi peneraju dalam sektor tertentu, dan pada masa yang sama ada negara NAM yang mempunyai sektor yang belum maju.

"Hari ini, firma-firma Malaysia membina lebuhraya di India dan syarikat-syarikat India membina projek landasan keretapi di Malaysia." Hubungan ini boleh digandakan 100 kali ganda dalam bidang-bidang seperti tenaga, makanan, prasarana, sumber manusia dan institusi, pelancongan, dan hiburan dan media, katanya.

Untuk menjalin kerjasama ini, saluran perniagaan dan interaksi pembangunan yang berkesan perlu dirangka, tambahnya. -- BERNAMA
SM SHY JR